

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN DAN PERSIDANGAN AGUNG
TAHUNAN GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG KALI KE-54
DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK GOMBAK
6 JULAI 2002

1. Sama-sama kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah hidayah dan rahmat dariNya dapat kita dipertemukan dalam semangat persaudaraan GPMS di konvensyen dan persidangan agung tahunan, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) kali ke 54.

2. Saya berterima kasih kepada lapisan kepimpinan GPMS kerana secara berterusan tetap menjalinkan hubungan dengan saya meskipun saya telah lama meninggalkan kepimpinan GPMS. Kawan-kawan di dalam GPMS tetap mengundang saya di majlis-majlis anjuran GPMS baik ketika saya berkhidmat sebagai pegawai awam, dan waktu-waktu saya terpinggir di dalam politik dan tidak memegang sebarang jawatan kerajaan. Malah ketika saya tidak memegang sebarang jawatan utama kerajaan, ahli-ahli GPMS lebih kerap dapat berdamping dengan saya. Apabila saya diberi amanah memegang jawatan lebih penting, ahli-ahli GPMS menunjukkan kefahaman tentang masa saya yang amat terbatas. Walaupun kita lebih jarang dapat berjumpa, saya amat menghargai talian hubungan kita yang diasaskan kepada keikhlasan. Sokongan dan doa saudara-saudari adalah sebahagian dari sumbangan yang telah membantu saya untuk dapat memenuhi amanah yang dipertanggung jawabkan kepada saya.

3. Saya amat menghargai akan daya usaha gigih saudara- saudari mengambil amanah dan tanggung jawab untuk terus memberikan nafas dan hayat kepada GPMS, pertubuhan pelajar kebangsaan yang tertua di negara kita ini. Penubuhan GPMS adalah untuk menggabungkan badan dan pertubuhan pelajar Melayu yang terdapat di seluruh Semenanjung ketika itu. Penubuhan GPMS pada 14 dan 15 Ogos 1948 adalah satu lagi manifestasi yang menunjukkan kesedaran bangsa Melayu ketika itu yang amat mengutamakan perpaduan berlandaskan semangat bersatu teguh, bercerai roboh. Khidmat bakti dan jasa besar pengasas GPMS yang terdiri dari Aminuddin Baki (Allahyarham), Abdul Wahab Ariff (Allahyarham), Khalid Wazir (Allahyarham) dan rakan-rakan lain termasuk Dato' Sri Dr. Siti Hasmah binti Mohd. Ali haruslah menjadi kenangan sepanjang masa dan ingatan sepanjang zaman.

4. Alhamdulillah usia GPMS telah mencapai 54 tahun. Perjuangannya kekal relevan dan menjadi semakin perlu diteruskan bagi menjamin kelangsungan pencapaian cemerlang bangsa Melayu dalam pendidikan. Era maklumat semestinya memberikan cabaran lebih besar kepada GPMS yang perlu bergerak lebih aktif dalam usaha memberi suntikan baru kepada pelajar-pelajar Melayu agar melipat gandakan usaha memperbaiki pencapaian dan memperolehi kecemerlangan dalam pelajaran.

Saudara-saudari

5. Dunia hari ini melalui fasa perubahan secara berterusan dengan pergolakan dalam domain politik, ekonomi dan sosial yang seolah-olah tidak pernah berlaku sebelum ini. Globalisasi dan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi telah mempengaruhi semua negara di dunia. Kemampuan untuk mencapai kemajuan dalam domain

politik, ekonomi dan sosial merupakan cabaran kepada sistem pendidikan sebagai pemangkin utama pembangunan dan perubahan masyarakat.

6. Susulan kepada perubahan itu, negara-negara di rantau ini tidak terlepas dari keperluan melakukan penilaian kritikal terhadap sistem pendidikan masing-masing kerana sistem pendidikan tidak wujud sebagai suatu komponen berasingan. Sistem pendidikan seharusnya bersifat `functional' kepada keutamaan masyarakat dan keperluan dunia yang senantiasa berubah. Oleh kerana keutamaan dan keperluan sering berubah, maka adalah perlu dilaksanakan perekaayaan (reengineering) terhadap pendekatan melaksanakan program pendidikan demi menjamin program pendidikan itu tidak kelihatan usang dan ketinggalan.

7. Era teknologi maklumat dan komunikasi telah merangkaikan dunia. Sempadan negara dan sempadan geografi tidak lagi berupaya menghalang penyeberangan dan penyusupan ideologi, idea, budaya, kegiatan ekonomi dan perdagangan. Medan persaingan bertambah luas; bererti persaingan yang perlu dihadapi oleh bangsa Melayu tidak lagi terbatas dengan suku kaum Cina dan India di Malaysia malah dengan seluruh warga dunia.

8. Dinamik yang berlaku ini sepatutnya tidak harus menggempar atau mengejutkan bangsa Melayu yang berpegang kepada Islam kerana Allah SWT telah menggambarkan realiti dunia ini kepada manusia tatkala menurunkan wahyu yang bermaksud:

"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenali. Sesungguhnya orang yang paling mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal" (Al-Hujurat 13)

9. Dalam hasrat bangsa Melayu menyahut seruan ILLAHI ini, bangsa Melayu haruslah mengenal pasti secara tepat instrumen untuk membolehkan terlaksananya seruan `kenal mengenali' yang terkandung di dalam ayat tersebut. Salah satu instrumen pengenalan tersebut adalah perantaraan komunikasi berbentuk bahasa. Bahasa adalah saluran komunikasi yang dapat menghubungkan manusia dengan manusia, manusia dengan budaya, manusia dengan maklumat, manusia dengan ilmu. Keupayaan penguasaan bahasa selain dari bahasa ibunda dapat memberi kelebihan kepada sesuatu bangsa itu. Dalam era revolusi maklumat, bangsa Melayu harus bertindak bijak, jika tidak mahu terpinggir.

10. Menyedari realiti tersebut dan diperkukuhkan pula dengan hakikat bahawa bahasa Inggeris telah menjadi bahasa perhubungan paling luas di maya ini, demi memastikan bahawa bangsa Melayu tidak ketinggalan, maka wajib digubal secara berani, mekanisma yang dapat membawa bangsa tidak terpinggir dalam gelombang kemajuan ilmu dan dalam kehebatan ledakan maklumat.

11. Dengan itu kerajaan membuat ketetapan supaya Kementerian Pendidikan melaksanakan beberapa pendekatan ke arah meningkatkan daya penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan warga di negara ini. Pendekatan tersebut di antaranya merangkumi perkara-perkara berikut:-

a. Menambahkan waktu pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris.

- b. Mengemaskinikan pendekatan dan kaedah pengajaran yang membolehkan pelajar mempunyai minat dan apresiasi lebih tinggi terhadap Bahasa Inggeris.
- c. Mengajar mata pelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris.
- d. Menambahkan bahan pengajaran dan bacaan dalam Bahasa Inggeris.
- e. Meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris melalui aktiviti-aktiviti bukan akademik untuk memberi keselesaan kepada pelajar menggunakan Bahasa Inggeris.

12. Kerajaan sedar akan keresahan rakyat terhadap rancangan ini terutama sekali pengajaran sains dan matematik menggunakan Bahasa Inggeris. Saya ingin meyakinkan rakyat bahawa Kerajaan juga tidak terlepas dari kebimbangan yang sama. Malah Kerajaan lebih bimbang dan kerana itu Kerajaan mengambil tanggung jawab sepenuhnya untuk memastikan kejayaannya. Kerajaan yakin kejayaan pelaksanaan program Bahasa Inggeris dapat dicapai sepenuhnya dengan komitmen bersama dan sokongan rakyat. Kerajaan tidak mahu melihat berlakunya 'casualty' atau korban besar di kalangan para pelajar. Oleh itu Kerajaan menyeru kepada seluruh rakyat untuk menilai rancangan ini secara objektif dan tidak secara emosi. Persoalan 'mengapa' (Why) perlunya Bahasa Inggeris sudah dihurai, sudah dijawab, malah mendapat sokongan seluruh rakyat. Oleh itu fikiran dan tenaga kita hendaklah dijuruskan kepada persoalan 'bagaimana?' (How) rancangan ini dapat dilaksanakan secara paling berkesan dalam tempoh masa yang cepat.

13. Kementerian Pendidikan dengan itu diminta meneliti dan merangka jadual pelaksanaan secara berkesan. Saya meletakkan keyakinan kepada para pegawai di Kementerian Pendidikan untuk dapat mengemukakan perakuan secara profesional dan objektif dengan mengambil kira segala aspek keperluan pelaksanaan untuk memastikan para pelajar tidak menjadi korban. Kerajaan juga mengalu-alukan pandangan dan saranan secara objektif dari semua pihak untuk dapat membantu kerajaan dari segi merangka program pelaksanaan yang berkesan. Hasrat memajukan bangsa dan warga memerlukan sokongan, dokongan, kerjasama dan penyertaan semua pihak. Saya yakin jika bangsa dan warga bersedia menilai hasrat ini dengan minda terbuka, hasrat ini akan dapat kita realisasikan dengan kadar lebih cepat dan tahap pencapaian lebih tinggi. Ingatlah bahawa, dunia tidak akan menunggu bangsa Melayu untuk dunia terus melonjak maju, sebaliknya bangsa Melayu perlu kita bangunkan untuk memintas kemajuan dunia.

14. Apa yang diperlukan adalah kesanggupan bangsa dan warga untuk melakukan pengorbanan. Bangsa dan warga agung di dunia hanya dapat dibina dengan kesediaan bangsa dan warga untuk berkorban. Ada bangsa dan ada warga yang berkorban darah - berkorban nyawa untuk mencapai matlamat mengagungkan bangsa dan warga. Negara tidak sama sekali berhasrat untuk membenarkan berlakunya korban dalam bentuk angka kegagalan pelajar. Pengorbanan yang dipohon adalah komitmen bangsa dan warga membantu menjayakan hasrat ini antaranya dalam bentuk:-

- a. Penerimaan positif bangsa dan warga terhadap hasrat ini secara objektif.
- b. Menghapuskan sebarang fobia, prasangka, prejudis dan pemikiran negatif terhadap Bahasa Inggeris.
- c. Komitmen bangsa dan warga untuk membantu mempercepatkan proses

pelaksanaan dan pencapaian.

d. Kesungguhan bangsa dan warga khususnya para pendidik menjadi 'role model' untuk menguasai bahasa Inggeris.

e. Kesiediaan para pendidik mengikuti kursus yang mungkin akan menggunakan masa cuti dan waktu hujung minggu tetapi diganti mungkin dalam perkiraan imbuhan persaraan.

f. Komitmen keluarga secara memperuntukan sedikit perbelanjaan untuk memperbanyakkan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Inggeris termasuk peralatan 'software'.

g. Komitmen sektor awam dan badan-badan bukan kerajaan melalui kegiatan penggenap(supplementary) dan kegiatan sokongan(complementary).

15. Saya percaya jika kita semua dapat bergerak dengan satu tekad - satu azam, dalam satu nada - satu suara, tugas berat menjadi ringan, tugas sukar menjadi senang. Semaikan kembali semangat bersatu seperti yang pernah kita capai dalam tahun 1946 hingga membolehkan kita meruntuhkan rancangan Malayan Union. Hidupkan semula semangat bersama sewaktu bangsa dan warga memperjuangkan kemerdekaan tanah air. Hasrat mahukan bangsa dan warga menguasai bahasa Inggeris pastinya lebih mudah dicapai kerana penentunya bergantung kepada minda dan hati kita sendiri.

16. Perlu ditegaskan bahawa rancangan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris tidak harus sama sekali di salah tafsirkan sebagai pengunduran pendirian kita dari segi mempertahankan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan seperti yang termaktub dan dijamin di dalam Perlembagaan Negara. Pertubuhan-pertubuhan Melayu seperti GPMS hendaklah terus menjadi pemerhati dan pemantau memastikan martabat bahasa Melayu tetap dipertahankan dan memastikan tidak akan berlaku sebarang penyelewengan. Pertubuhan-pertubuhan Melayu hendaklah terus bersuara tegas menentang sebarang penyelewengan jika dilakukan baik di pihak awam mahupun di pihak swasta atau oleh mana-mana pihak sekalipun dari segi martabat dan kedudukan Bahasa Melayu di negara ini. Malah usaha pertubuhan-pertubuhan Melayu untuk mengembang dan memperluas penggunaan bahasa Melayu di rantau ini dan di peringkat antarabangsa hendaklah terus dipergiatkan sebagai satu wawasan perjuangan bangsa.

Saudara-saudari

17. Perubahan sosial bukanlah matlamat akhir. Yang perlu diutamakan ialah perubahan bermatlamat yang boleh mendorong manusia ke arah kedudukan yang lebih baik dalam semua ruang lingkup penghidupannya. Merancang perubahan telah menjadi satu daripada ciri-ciri tersendiri dalam pemikiran dan batas intelektual serta tindakan manusia. Justeru itu, proses pendidikan sebagai satu dimensi penting perubahan sosial, harus diteliti kerana ianya berlaku dalam konteks zaman yang tertentu bagi memenuhi keperluan dan keutamaan khusus.

18. Proses pendidikan merupakan asas terunggul kepada pembentukan mekanisme-mekanisme utama pembangunan menyeluruh yang meliputi domain-domain politik, ekonomi dan sosial. Oleh yang demikian pendidikan akan terus kekal menjadi keutamaan mutlak bagi membangunkan diri manusia supaya mereka boleh

melakukan penyesuaian kepada perubahan yang berlaku di persekitaran hidup mereka.

19. Ciri-ciri pendidikan di abad ini perlu mengambil pendekatan berkesan bagi menjamin kebebasan individu. Perkembangan intelektual dan kreativiti setiap orang tercapai mengikut keupayaan yang ada padanya. Kemahiran berfikir dan pemikiran kritikal disertai dengan keupayaan berkomunikasi serta memiliki keyakinan sendiri perlu dijana menerusi pendekatan yang holistik. Pendidikan nilai, moral dan pembangunan rohani perlu diberi penekanan. Mendidik jiwa dan pemikiran akan melahirkan insan seimbang.

20. Pendidikan ke arah mengembangkan potensi dan keupayaan berfikir secara maksimum di kalangan pelajar dengan berpaksikan kepada aspek-aspek nilai, moral dan rohani adalah suatu asas dalam pembangunan insan seimbang, lebih-lebih lagi pada waktu pembangunan dan modernisasi menjadi hambatan kehidupan masyarakat pada masa kini.

21. Pendidikan sepanjang hayat untuk semua yang bersifat futuristik, relevan, fleksible berteraskan ilmu akan turut menjadi ciri-ciri utama pendidikan. Salah satu ciri penting dalam sistem pendidikan sepanjang hayat untuk semua ialah pendidikan tidak formal dari jiwa yang senantiasa dahagakan ilmu sesuai dengan seruan Junjungan Besar kita Nabi Muhamad saw yang antara lain bermaksud:

"Seseorang itu masih alim selagi dianya masih seorang pelajar dan menjadi jahil apabila telah merasa cukup"

22. Pendidikan tidak formal mempunyai potensi yang boleh dikembangkan untuk membuka peluang pendidikan seluas-luasnya dengan kekesanan kos. Di negara-negara maju pendidikan tidak formal, pendidikan berterusan dan universiti terbuka amat popular. Masyarakat maju telah menerima konsep pendidikan sepanjang hayat untuk semua sebagai norma kehidupan. Konsep seperti rakan pendidikan dan rangkaian kolej komuniti harus diberikan perhatian supaya beransur-ansur dapat diterima sebagai sebahagian dari budaya kehidupan masyarakat abad ini. Transformasi ini menuntut kita memikirkan semula kaedah-kaedah pembelajaran dan keperluan kewujudan suasana yang mampu merangsangkan pembentukan budaya ilmu dan budaya kecemerlangan di kalangan pelajar dan masyarakat.

23. Berdasarkan cabaran pendidikan ini, saya berharap kepimpinan dan ahli-ahli GPMS dapat memahami tentang betapa penting peranan dan pengorbanan yang harus dicurahkan bagi membantu dan merangsang kecemerlangan di kalangan pelajar. Justeru itu, sekali lagi, saya menyeru GPMS lebih memberi fokus dan tumpuan kepada aktiviti atau program yang berkaitan dengan pendidikan. Sebagai pertubuhan pelajar tertua dalam negara, yang saya sendiri pernah diberikan amanah memimpinya, saya berkeyakinan bahawa GPMS dapat melakukan perubahan dan kemajuan besar dalam membantu pencapaian cemerlang bangsa Melayu dalam pendidikan.

24. Dengan harapan dan keyakinan tersebut, dengan memohon keberkatan dan rahmat ILLAHI supaya GPMS dan ahli-ahlinya terus mendapat petunjuk dan bimbingan dalam usaha membawa bangsa Melayu ke jalan yang lurus berlandaskan ilmu, saya merasmikan Konvensyen dan Persidangan Agung Tahunan GPMS dengan keberkatan umul kitab, Al Fatihah.